



# HAK KEWANGAN WANITA MUSLIM BERPENDAPATAN RENDAH DALAM SISTEM PERUNDANGAN KELUARGA ISLAM DI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



sisters in islam

# **Hak Kewangan Wanita Muslim Berpendapatan Rendah Dalam Sistem Perundangan Keluarga Islam di Selangor dan Wilayah Persekutuan**

© Sisters in Islam  
ISBN: 978-983-2622-60-4

## **Penyunting Isi Kandungan:**

Sisters in Islam (SIS)

## **Penyelidik Merdeka Center:**

Ibrahim Suffian, *Pengarah Program Merdeka Center*  
Tan Seng Keat, *Pengurus Kanan Penyelidik Merdeka Center*  
Azlina Halit, *Penyelidik Kanan Merdeka Center*  
Mariana Daud, *Penyelidik Kanan Merdeka Center*  
Syahieda Che Mid, *Penyelidik Kanan Merdeka Center*

## **Penyelidik Sokongan:**

Maz Afizah, *Pegawai Penyelidik Merdeka Center*

## **Diterbitkan di Malaysia oleh:**

SIS Forum (Malaysia) (199301011823) – (Sisters in Islam)  
No. 4, Lorong 11/8E, 46200, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia  
T: +603 7960 3357 / 7960 5121 / 7960 6733  
F: +603 7960 8737  
E: [sis@sistersinislam.org.my](mailto:sis@sistersinislam.org.my)  
[www.sistersinislam.org](http://www.sistersinislam.org)

## Dicetak di Malaysia oleh:

Printzilla House

## Reka Kulit Buku:

Sisters in Islam

*\*Kedutaan Switzerland di Malaysia telah menyediakan sokongan kewangan kepada penyelidikan berdasarkan pengalaman sebenar wanita yang menjadi asas kepada penerbitan buku laporan ini. Pandangan dan pendapat yang dinyatakan dalam penerbitan ini tidak semestinya mewakili Kedutaan Switzerland di Malaysia atau Kerajaan Switzerland.*

Mana-mana bahagian terbitan ini boleh disalin, diterbitkan semula, diadaptasi, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan apa cara pun untuk memenuhi keperluan setempat, bukan untuk tujuan mendapat keuntungan dan tanpa perlu mendapatkan izin Sisters in Islam. Segala bentuk salinan, terbitan semula, adaptasi dan terjemahan secara mekanik, elektrik atau elektronik seharusnya memberi penghargaan kepada Sisters in Islam dan penulisnya sebagai sumber rujukan. Satu salinan sebarang bentuk terbitan semula, adaptasi dan / atau terjemahan harus dihantar kepada Sisters in Islam.

## **KATA-KATA ALUAN**

Kita berada di zaman di mana bapa dan suami Muslim mengambil mudah isu berkaitan nafkah isteri dan anak-anak. Perintah Mahkamah Syariah juga tidak dipatuhi oleh mereka yang telah mendapat perintah untuk membayar nafkah anak-anak, walaupun ini telah ditetapkan sebagai tanggungjawab suami dan bapa dalam tradisi perundangan Islam.

Terdapat banyak juga cerita tentang pengalaman wanita yang tidak mendapat laluan kepada hak kewangan mereka. Pengalaman-pengalaman wanita ini tidak boleh dibiarkan dan tinggal sebagai kisah dan cerita tetapi wajib diambil untuk menggerakkan aksi dan tindakan untuk mengubah keadaan ini.

Sisters in Islam mengucapkan terima kasih kepada Kedutaan Switzerland di Malaysia, Yayasan IOI dan Merdeka Center atas sokongan mereka dalam inisiatif kecil tetapi penting ini untuk merakam pengalaman wanita Muslim di Kuala Lumpur dan Selangor yang melalui proses dan prosedur undang-undang demi mendapatkan dan menegakkan hak-hak mereka seperti yang termaktub dalam Islam.

**Rozana Isa**  
**Pengarah Eksekutif**  
**Sisters in Islam**

## **PRAKATA**

Laporan ini membentangkan analisis menyeluruh tentang cabaran yang dihadapi oleh wanita Islam daripada kumpulan berpendapatan rendah dalam memperjuangkan hak kewangan mereka di bawah undang-undang Syariah Malaysia. Antara isu-isu utama adalah nafkah, harta sepencarian dan hak kewangan selepas perceraian. Dapatan kajian ini menunjukkan jurang yang ketara antara hak yang sepatutnya dinikmati oleh wanita-wanita ini di bawah undang-undang dan realiti kesukaran yang dihadapi dalam memperoleh hak tersebut melalui sistem perundangan.

### **Analisis Data**

Berdasarkan data yang dikumpulkan daripada 124 responden, kajian ini menunjukkan hasil pemeriksaan terperinci mengenai kesulitan kewangan, kerumitan birokrasi, serta tekanan emosi dan sosial yang dialami oleh wanita dalam demografi ini ketika melalui proses perundangan. Keputusan kajian ini memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang halangan yang dihadapi oleh wanita-wanita ini serta menekankan keperluan yang mendesak untuk pembaharuan dalam sistem perundangan dan sokongan bagi menangani cabaran mereka dengan lebih berkesan.

Wanita dalam golongan berpendapatan rendah bukan sahaja berdepan dengan isu keterbatasan kewangan, malahan juga bebanan kesihatan fizikal dan mental yang signifikan, yang semakin memburukkan keadaan mereka. Tanggungjawab tambahan dalam menjaga anak, khususnya mereka yang mempunyai anak dengan keperluan khas, memberikan tekanan yang lebih besar dalam kehidupan mereka selepas perceraian. Selain itu, kajian ini mendedahkan jurang besar dalam kesedaran mengenai hak kewangan, dengan akses yang terhad kepada maklumat penting dari mahkamah Syariah dan agensi kerajaan yang berkaitan.

### **Akses Terhad kepada Perkhidmatan**

Meskipun terdapat pelbagai program kebajikan dan bantuan, laporan ini menekankan masalah berterusan mengenai kurangnya kesedaran dan halangan dalam mengakses perkhidmatan ini. Ini menegaskan keperluan pendekatan yang lebih menyeluruh bagi memberdayakan wanita dengan pengetahuan, sumber, dan sokongan yang diperlukan untuk mengendalikan kedua-dua landskap perundangan dan kewangan mereka dengan lebih berkesan.

Kami yakin bahawa hasil kajian ini memberikan perspektif yang bernilai kepada pembuat dasar, penggubal undang-undang, dan pihak berkepentingan dalam sektor perundangan, kebajikan, dan masyarakat. Cabaran-cabaran yang diketengahkan dalam laporan ini perlu diatasi dengan segera bagi memastikan sistem sokongan kewangan dan perundangan bukan sahaja lebih inklusif, tetapi juga lebih bersedia untuk memenuhi keperluan khusus wanita dalam golongan ini. Hanya melalui reformasi yang bersasar serta pendekatan yang lebih berintegrasi dapat memperbaiki kehidupan wanita-wanita untuk membina semula masa depan mereka dengan lebih selamat, bermaruah, dan penuh peluang.

**Dara Waheda**

**Pengurus (Unit Advokasi, Khidmat Guaman dan Penyelidikan)**

**Sisters in Islam (SIS)**

## **ANALISIS**

Wanita sering menghadapi masalah seperti kurangnya pengetahuan tentang hak kewangan, halangan birokrasi, dan tekanan sosial yang menghalang mereka daripada mendapatkan hak yang sewajarnya. Sehubungan itu, adalah penting untuk menilai keberkesanan sistem perundangan Syariah dalam melindungi hak kewangan wanita dan memahami faktor yang menyukarkan mereka.

Menyedari hakikat ini, Sisters in Islam (SIS) telah menjalankan kajian ini dengan objektif untuk mengukur tahap literasi wanita muslim berpendapatan rendah terhadap tuntutan hak kewangan mereka di bawah undang-undang Syariah seperti harta sepencarian, mutaah, nafkah isteri, nafkah idah, nafkah anak, hutang dalam perkahwinan dan mas kahwin.

Hak kewangan yang diperintahkan oleh mahkamah, cabaran dihadapi wanita muslim berpendapatan rendah serta faktor-faktor yang menyumbang kepada cabaran untuk menuntut hak mereka dibincangkan sebagai isu utama dalam analisa kajian ini.

### **Cabaran-cabaran Perkahwinan dan Perceraian**

#### **(a) Curang Sebagai Faktor Utama Perceraian**

Kebanyakan responden telah menjalani tempoh perkahwinan sekitar 13 tahun sebelum perceraian. Faktor utama yang membawa kepada perceraian adalah kecurangan, selain suami culas membayar nafkah, tiada persefahaman, suami panas baran termasuklah keganasan rumah tangga, dan pasangan yang terlibat dengan dadah atau kegiatan homoseksual. Ada juga wanita yang mempunyai komitmen menjaga orang tua dan enggan mengikut suami berpindah ke luar negara.

Menurut kajian ini, perceraian dalam kalangan pasangan suami isteri Muslim di Malaysia tidak berlaku secara terburu-buru, tetapi selepas melalui pelbagai tekanan dan konflik yang berlarutan dan tidak dapat diselesaikan walaupun selepas melalui sokongan psikologi atau kaunseling perkahwinan.

Ketidaksetiaan boleh menyebabkan luka emosi yang mendalam, menjadikan pasangan sukar untuk meneruskan perkahwinan. Komunikasi yang sihat dan kepercayaan dalam hubungan perkahwinan di samping mewujudkan ruang untuk berbincang adalah penting untuk mengekalkan kebahagiaan rumah tangga.

#### **(b) Culas Tanggungjawab**

Bagi kes-kes melibatkan suami yang gagal memberikan nafkah yang mencukupi mencerminkan wujud ketidakadilan dalam pembahagian tanggungjawab kewangan dalam perkahwinan. Ini boleh membawa kepada ketegangan yang serius.

Setiap pasangan perlu memahami peranan masing-masing di dalam perkahwinan, terutamanya dari aspek tanggungjawab kewangan keluarga.

#### **(c) Masalah Komunikasi**

Perceraian juga berlaku kerana tiada persefahaman ataupun masalah komunikasi. Komunikasi dalam hubungan perkahwinan adalah penting. Pasangan perlu proaktif mencari jalan menguruskan konflik dengan cara yang konstruktif tanpa mengorbankan hubungan mereka.

## **BEBAN TANGGUNGAN WANITA YANG BERPENDAPATAN RENDAH**

Majoriti responden menghadapi cabaran kewangan kerana pendapatan mereka hanya cukup untuk memenuhi keperluan asas isi rumah. Ini menyebabkan mereka kerap berhadapan masalah kekurangan sumber untuk keperluan lain seperti pendidikan, kesihatan, atau simpanan masa depan.

### **(a) Isu Perbelanjaan Anak**

Kebanyakan responden terpaksa menanggung anak di bawah 18 tahun, yang memerlukan perhatian selain kos pendidikan, dan perbelanjaan lain yang lebih tinggi.

### **(b) Tanggungan Anak Kurang Upaya/Sakit**

Responden yang mempunyai anak kurang upaya akan memerlukan kos rawatan dan penjagaan tambahan selain perubatan khusus, alat bantuan, dan rawatan terapi yang memerlukan kos tinggi. Bagi yang mempunyai anak yang sakit berpanjangan, kos perubatan untuk penyakit kronik jangka panjang juga memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan tidak dijangka.

Selain daripada cabaran kewangan, ibu bapa yang menanggung anak-anak yang mempunyai keperluan khas atau sakit berpanjangan turut berdepan dengan tekanan emosi dan sosial. Mereka mungkin merasa terasing atau tidak mendapat sokongan yang mencukupi, yang menambah kesulitan dalam menguruskan kehidupan keluarga mereka. Ketidakseimbangan dalam kewangan dan cabaran kesihatan ini boleh mempengaruhi kesejahteraan mental dan fizikal ibu bapa.

### **Saranan kepada isu-isu ini :**

1. Keadaan ekonomi yang terhad menunjukkan bahawa bantuan kewangan tambahan atau sokongan luar, seperti bantuan kerajaan atau daripada NGO sangat diperlukan untuk membantu golongan ini.
2. Keperluan untuk memperbaiki akses kepada penjagaan kesihatan yang lebih mudah dan murah perlu dibuat segera. Kos rawatan yang tinggi, terutamanya untuk anak kurang upaya atau sakit berpanjangan perlu diselesaikan dengan menyediakan insurans kesihatan atau bantuan perubatan bersasar serta efektif untuk golongan ini.
3. Penyediaan sokongan kewangan, akses kepada perkhidmatan kesihatan yang mampu milik, dan pendidikan tentang pengurusan kewangan dapat membantu mereka menguruskan kehidupan yang lebih seimbang.

## **CABARAN DAN PERSIAPAN MENUNTUT HAK KEWANGAN SELEPAS PENCERAIAN**

Kajian ini mendapati proses tuntutan perceraian amat mencabar, ia memerlukan majoriti responden memberi tumpuan kepada persiapan mental, sokongan keluarga dan rakan-rakan selain persiapan kewangan dan fizikal seperti mencari tempat tinggal dan pekerjaan baru untuk memulakan kehidupan semula.

Motivasi utama wanita menuntut hak kewangan adalah demi kelangsungan hidup anak-anak. Agama juga merupakan motivasi kuat; memberikan landasan moral dan undang-undang, terutamanya dalam menuntut hak kewangan mereka.

### **(1) Proses perbicaraan dan isu sistem perlaksanaan**

Wanita menuntut hak kewangan atas dasar keadilan, maruah, dan integriti diri. Namun, faktor utama yang menghalang mereka adalah proses perbicaraan yang panjang, rumit, dan tekanan kewangan yang

membebankan, menyebabkan mereka terpaksa menarik diri atau tidak dapat meneruskan tuntutan. Sistem pelaksanaan dan penguatkuasaan yang longgar merupakan salah satu punca suami tetap culas membayar tuntutan nafkah isteri walaupun setelah kes perceraian selesai dan mahkamah telah mengeluarkan perintah.

Urusan pentadbiran dan dokumen yang rumit, sistem perundangan yang kompleks dan penuh birokrasi ini menjadi halangan besar bagi wanita. Hal ini boleh menyebabkan mereka terperangkap dalam prosedur yang memakan masa, wang dan tenaga. Ada juga wanita mungkin merasa bahawa tuntutan mereka tidak dilayan dengan adil. Layanan yang tidak adil mungkin berakar umbi terhadap stereotaip gender atau kepercayaan sosial yang telah mempengaruhi penghakiman di mahkamah.

## **(2) Masalah kewangan**

Majoriti responden melaporkan yang mereka tidak cukup wang untuk meneruskan proses tuntutan hak kewangan, terutamanya kos perundangan yang tinggi.

Responden yang membuat tuntutan hak kewangan di mahkamah biasanya mendapat maklumat melalui media sosial, kumpulan sokongan wanita, rakan, jiran, dan peguam syarie, berbanding Jabatan Kehakiman Syariah. Kebanyakannya hanya tahu tentang tuntutan nafkah anak dan tuntutan harta sepencarian selepas perceraian, namun, cara menuntut nafkah dan juga hutang dalam perkahwinan kurang difahami.

Keperluan untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan mengenai hak kewangan perlu dibuat selalu sebagai persediaan sebelum berkahwin dan memberikan ilmu kepada wanita untuk mengetahui hak mereka dalam perkahwinan.

## **(3) Stigma sosial dan ketiadaan sistem sokongan**

Stigma sosial seperti rasa malu atau rendah diri; wanita yang menuntut hak dianggap lemah atau tidak dapat menguruskan rumah tangga dengan baik boleh menjelaskan psikologi serta melemahkan semangat untuk meneruskan proses tuntutan. Selain itu ketiadaan sokongan daripada keluarga atau rakan juga merupakan faktor wanita tidak meneruskan tuntutan. Tanpa sokongan, wanita berisiko merasa terasing dan tertekan dan seterusnya tidak menuntut hak mereka. Tekanan dari bekas suami, keluarga, dan masyarakat juga menjadi halangan besar, mereka mungkin memandang serong terhadap wanita yang menuntut hak mereka.

## **(4) Isu Akses Kepada Perbankan**

Ada penerima bantuan tidak dapat membuka akaun bank kerana telah diisyihar muflis atau disenaraihitamkan. Golongan ini sering menghadapi kesulitan untuk menerima bantuan dalam bentuk bukan tunai, yang menyebabkan mereka terpinggir dari sistem bantuan yang lebih formal dan teratur.

Golongan yang tidak dapat membuka akaun bank ini memerlukan bantuan lebih bersasar dan disesuaikan mengikut keadaan individu. Oleh itu, penyedia bantuan harus mempertimbangkan cara-cara lain untuk memastikan semua golongan berisiko, termasuk mereka yang muflis atau disenaraihitamkan, tetap boleh menerima sokongan yang diperlukan.

## **(5) Prosedur yang tidak konsisten dan kos yang tinggi**

Isu-isu ini menyebabkan ramai wanita enggan memfailkan kes di Mahkamah. Tambahan pula, prosedur perundangan yang tidak konsisten memberi tanggapan bahawa keadilan itu mustahil untuk dicapai. Wanita yang berpendapatan di bawah RM2000, yang sudah sedia terhimpit dengan cabaran kewangan, mungkin merasakan bahawa usaha untuk menuntut hak mereka bukan sahaja rumit tetapi juga mustahil. Keadaan menjadi semakin buruk apabila pandemik COVID-19 melanda, terutamanya kepada wanita yang telah diberi hak penjagaan anak. Ramai antara mereka terperangkap dalam krisis

kewangan yang teruk, menyebabkan anak-anak mereka terpaksa ponteng sekolah akibat kekurangan sumber. Situasi ini menonjolkan kelemahan ketara dalam sistem sokongan sedia ada untuk wanita dan anak-anak selepas perceraian. Ini juga menunjukkan kegagalan sistem dalam melindungi golongan yang paling terkesan dalam masyarakat.

### **IMPLIKASI PERCERAIAN TERHADAP WANITA**

Berdasarkan hasil kajian, para wanita mengalami gangguan emosi yang serius akibat ketidakstabilan kewangan yang dihadapi. Mereka juga berdepan dengan kemurungan disebabkan ketidakmampuan untuk membayar komitmen kewangan dan memenuhi keperluan asas, yang menjadi beban tambahan. Ini menambahkan tekanan kepada mereka, lantas memaksa mereka mencari sumber pendapatan tambahan dengan menjual kuih untuk membeli telefon pintar bagi memudahkan pembelajaran anak-anak secara atas talian. Selain itu juga, emosi anak-anak turut terganggu akibat perceraian; ia bukan sahaja merosakkan hubungan dengan bapa mereka, tetapi juga menjadikan prestasi akademik dan menyebabkan perubahan dalam tingkah laku mereka.

Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa sistem sokongan yang ada tidak mencukupi untuk membantu golongan ini menghadapi cabaran ekonomi dan emosi yang begitu besar. Adalah penting untuk menilai semula dan memperbaiki sistem tersebut agar ia lebih berkesan dalam menyediakan bantuan kepada wanita dan anak-anak yang terkesan oleh perceraian dan masalah kewangan yang berpanjangan.

### **CADANGAN-CADANGAN**

- (1) Kerajaan perlu meningkatkan kesedaran mengenai program bahagian sokongan keluarga (BSK) kepada masyarakat umum melalui saluran media, kerjasama dengan komuniti tempatan, integrasi antara agensi dan pendidikan awam supaya bantuan sampai kepada mereka yang memerlukan.
- (2) Memperluaskan penyebaran maklumat awam dengan lebih baik tentang hak kewangan dan tuntutan nafkah, bantuan dalam penyediaan dokumen mahkamah, khidmat undang-undang secara percuma dan juga kos bayaran yang berpatutan.
- (3) Menambahbaik sistem dan proses prosiding mahkamah agar ia berjalan dengan lebih cepat dan tanpa kelewatian yang tidak perlu.
- (4) Pembaharuan undang-undang yang menyeluruh perlu dipertimbangkan dengan serius termasuklah memperkenalkan undang-undang yang lebih tegas yang dapat mendorong para suami dan bapa untuk menjadi lebih bertanggungjawab dalam membayar nafkah dan melunaskan pembayaran yang patut dibuat selepas perceraian.

### **KESIMPULAN**

Hasil kajian ini menunjukkan terdapatnya cabaran besar yang dihadapi oleh wanita dalam mendapatkan hak kewangan mereka. Ia turut menekankan kepada kesedaran, struktur sokongan yang lebih baik, dan proses undang-undang yang lebih cekap untuk memberdayakan wanita dan melindungi keselamatan kewangan mereka. Isu-isu ini perlu ditangani untuk membantu wanita berdepan dengan perceraian dan cabaran kewangan dengan berkesan, di samping mewujudkan masyarakat yang lebih adil di mana hak wanita disokong sepenuhnya.

## KANDUNGAN

PENGENALAN .....	1
METODOLOGI KAJIAN.....	2
PENEMUAN UTAMA .....	2
Profil Responden .....	2
Cabaran Ekonomi Wanita Muslim B40: Pendapatan, Perbelanjaan dan Hutang.....	3
Cabaran Kesihatan Wanita Muslim B40: Implikasi Terhadap Kehidupan Seharian.....	4
Perkahwinan Poligami dan Perceraian.....	5
Kesedaran dan Pengetahuan Tentang Hak-Hak Kewangan.....	5
Sejarah Tuntutan Yang Dibuat di Mahkamah Syariah: Analisis Kes Harta Sepencarian, Mutaah, Nafkah Isteri, Nafkah Iddah, dan Nafkah Anak.....	6
Cabaran dan Persiapan Menuntut Hak Kewangan Selepas Perceraian .....	8
Bentuk Bantuan dan Isu Berkaitan .....	10

## **SENARAI RAJAH DAN JADUAL**

Rajah 1. Jurang pendapatan isirumah dengan perbelanjaan isirumah .....	3
Rajah 2. Faktor penceraian .....	5
Rajah 3. Jenis Bantuan Yang Diterima .....	10
Jadual 1. Kategori Responden .....	2

## PENGENALAN

Kajian ini dijalankan untuk memahami cabaran yang dihadapi oleh wanita Muslim, khususnya dari golongan B40 dalam menuntut hak kewangan mereka melalui Sistem Perundangan Syariah di Malaysia. Wanita sering kali berdepan dengan pelbagai kekangan seperti kurangnya pengetahuan tentang hak-hak kewangan, halangan birokrasi, serta tekanan sosial yang mempengaruhi kemampuan mereka untuk menuntut hak yang sewajarnya di mahkamah Syariah.

Kajian ini memfokuskan kepada penglibatan wanita Muslim bagi golongan B40 di Selangor dan Wilayah Persekutuan dalam menuntut nafkah, harta sepencarian, dan hak-hak kewangan lain selepas perceraian. Kajian ini penting kerana ia menilai sejauh mana sistem perundangan Syariah berkesan dalam melindungi hak-hak kewangan wanita serta memahami faktor-faktor yang menyukarkan mereka untuk mendapat keadilan kewangan.

Selain itu, kajian ini turut bertujuan untuk mengenal pasti sumber maklumat yang digunakan oleh wanita Muslim untuk memahami hak-hak mereka dan bagaimana mereka boleh dibantu oleh badan kerajaan, NGO, dan sistem perundangan untuk mendapatkan hak-hak tersebut.

Objektif utama kajian adalah seperti berikut:

1. **Untuk mengenal pasti tahap literasi wanita Muslim B40 mengenai hak kewangan mereka** – Bagi mengukur sejauh mana pengetahuan wanita Muslim B40 tentang hak-hak kewangan yang boleh mereka tuntut di bawah undang-undang Syariah, seperti harta sepencarian, mutaah, nafkah isteri, nafkah iddah, nafkah anak, hutang dalam perkahwinan dan mas kahwin.
2. **Untuk mengumpul dan menganalisis maklumat mengenai jumlah atau peratusan purata yang diberikan kepada wanita Muslim oleh mahkamah Syariah dalam tuntutan hak kewangan mereka** – Tujuan ini adalah untuk mengumpul dan menganalisis maklumat mengenai amaun tuntutan kewangan yang diperintahkan oleh mahkamah Syariah dan sejauh mana ia dipenuhi.
3. **Untuk membincangkan cabaran yang dihadapi oleh wanita Muslim B40 dalam menuntut hak kewangan mereka melalui Sistem Undang-Undang Keluarga Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan serta sebab dan faktor yang menyumbang kepada situasi sukar mereka** – Bagi membincangkan cabaran seperti kesukaran birokrasi, stigma sosial, serta kekangan kewangan yang dihadapi wanita B40 dalam proses tuntutan mereka.
4. **Untuk menilai faktor-faktor lain di luar Sistem Undang-undang Keluarga Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan yang turut menyumbang kepada cabaran yang dihadapi oleh Wanita Muslim B40 dalam menuntut hak kewangan mereka** – Bagi meneliti elemen-elemen lain seperti sokongan keluarga, bantuan daripada pihak lain, serta peranan sistem zakat dan kerajaan dalam membantu wanita Muslim B40 mendapatkan hak kewangan mereka.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang isu hak kewangan wanita Muslim B40 dalam konteks sistem perundangan Syariah di Malaysia. Temu bual bersemuka dijalankan dengan 124 orang responden wanita Muslim daripada golongan B40 yang menetap di Kuala Lumpur dan Selangor. Temu bual ini dilakukan secara rawak serta kaedah *snowball* turut digunakan untuk memastikan jumlah responden yang mencukupi. Butiran kategori responden adalah seperti berikut:

Jadual 1. Kategori Responden

Kategori Responden	Jumlah Responden
Bercerai / dalam proses penceraian – tiada tuntutan hak kewangan di mahkamah	63
Bercerai / dalam proses penceraian – ada tuntutan hak kewangan di mahkamah	61
<b>Jumlah Responden</b>	<b>124</b>

## PENEMUAN UTAMA

Bahagian ini akan menghuraikan corak serta tren yang ditemui melalui respons yang dikumpulkan. Berikut adalah penemuan utama:

### Profil Responden

Majoriti responden menetap di Selangor dan hanya sebahagian kecil sahaja yang tinggal di Kuala Lumpur. Kebanyakan responden berada dalam kumpulan umur 41-50 tahun, diikuti umur 31-40 tahun, 51-60 tahun dan selebihnya pada peringkat umur 60 tahun ke atas dan umur dalam lingkungan 21- 30 tahun mencerminkan fasa kehidupan di mana ramai wanita yang pernah atau dalam bercerai atau dalam proses penceraian. Dalam kajian ini, didapati bahawa majoriti daripada responden berstatus telah bercerai atau menjadi janda, dan hanya segelintir kecil sahaja yang telah berkahwin lain.

Dalam hal tuntutan hak kewangan, hanya 49% daripada keseluruhan responden mengemukakan tuntutan hak kewangan di Mahkamah Syariah. Manakala, 51% tidak membuat sebarang tuntutan dan segelintir daripadanya memilih untuk menyelesaikan isu tersebut di luar mahkamah. Ini menggambarkan wujudnya kekangan yang dihadapi oleh wanita dalam mengakses sistem perundangan untuk menuntut hak mereka.

Dari sudut pekerjaan, responden terlibat dalam pelbagai sektor, seperti sektor swasta, surirumah, dan bekerja sendiri. Ramai menghadapi kesukaran kewangan selepas perceraian, terutama jika tiada pendapatan stabil. Sebahagian besar menceburি pekerjaan sampingan seperti perniagaan makanan, jurujual sambilan, *home tutor*, dan perniagaan sendiri.


Dapatan ini memberikan gambaran tentang realiti kehidupan wanita Muslim B40, yang mana perceraian menambah tekanan kewangan, mereka terpaksa mencari pekerjaan sampingan untuk menambah pendapatan demi kelangsungan hidup.

## Cabaran Ekonomi Wanita Muslim B40: Pendapatan, Perbelanjaan dan Hutang

Kajian ini juga menekankan cabaran ekonomi yang dihadapi oleh wanita Muslim B40, terutamanya berkaitan dengan pendapatan, perbelanjaan, dan hutang yang ditanggung oleh mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa rata-rata responden mempunyai pendapatan peribadi yang rendah hingga sederhana, dengan memperoleh pendapatan bulanan antara RM1,000 hingga RM3,999. Hanya segelintir kecil sahaja yang mempunyai pendapatan peribadi lebih daripada RM6,000.

Kajian turut mendapati bahawa kebanyakan responden mempunyai perbelanjaan peribadi yang melebihi pendapatan. Situasi ini menjadi lebih mencabar apabila dilihat dari segi pendapatan dan perbelanjaan isi rumah, di mana responden melaporkan jurang antara 5% hingga 14% perbelanjaan melebihi pendapatan isi rumah. Jurang ini membuktikan bahawa wanita Muslim B40 sering berdepan kesukaran dalam menguruskan kos sara hidup mereka.

Rajah 1. Jurang pendapatan isirumah dengan perbelanjaan isirumah



Tambahan pula, beban hutang merupakan isu utama yang dihadapi oleh responden. Majoriti daripada mereka masih terpaksa menanggung hutang rumah, hutang kenderaan, serta pinjaman peribadi. Keadaan ini menunjukkan bahawa selain berhadapan dengan pendapatan yang rendah, mereka juga terpaksa menanggung beban kewangan yang berat. Secara keseluruhan, kajian ini menggambarkan bahawa wanita

Muslim B40 berada dalam keadaan kewangan yang sangat mencabar, di mana jurang antara pendapatan dan perbelanjaan, ditambah dengan beban hutang yang tinggi, seterusnya menjelaskan kualiti hidup mereka. Situasi ini memerlukan perhatian serius untuk membantu mereka mengatasi cabaran kewangan dan meningkatkan taraf hidup.

### **Cabaran Kesihatan Wanita Muslim B40: Implikasi Terhadap Kehidupan Seharian**

Kajian ini mendedahkan bahawa wanita Muslim B40 bukan sahaja menghadapi cabaran dari segi kewangan, malahan ada juga yang menghadapi masalah dari aspek kesihatan fizikal dan mental.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya 7 responden dalam kajian ini adalah Orang Kurang Upaya (OKU), dengan sebahagian daripada mereka mengalami masalah kesihatan mental seperti *bipolar*, *depression* dan *skizofrenia*. Selain itu, 39 responden melaporkan bahawa mereka sedang mengalami penyakit kritikal atau berpanjangan, seperti penyakit tiga serangkai iaitu diabetes, tekanan darah tinggi, dan sakit jantung.

Selain itu, tanggungjawab untuk menjaga ahli keluarga yang berpenyakit turut menjadi beban kepada wanita-wanita ini. Sebanyak 22 responden melaporkan bahawa mereka mempunyai ahli keluarga yang terdiri daripada ibu bapa dan anak di bawah tanggungan mereka mengalami penyakit kritikal atau berpanjangan. Situasi ini bukan sahaja menambah beban kewangan tetapi juga meningkatkan tekanan emosi dan fizikal kepada responden. Selain berdepan dengan cabaran kewangan, mereka juga terpaksa menguruskan kesihatan diri dan ahli keluarga yang bergantung kepada mereka.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti tanggungan responden bagi anak di bawah umur 18 tahun terdiri daripada 1 hingga 3 orang bilangan anak. Daripada dapatan tersebut, terdapat 5 orang kanak-kanak yang menghidap penyakit berpanjangan dan 3 orang kanak-kanak yang merupakan OKU di bawah umur 18 tahun dan keperluan kanak-kanak di bawah 18 tahun kebiasaannya lebih tinggi dari segi kewangan dan penjagaan harian. Bagi anak di atas umur 18 tahun, terdapat 4 orang yang menghidap penyakit berpanjangan dan 5 orang yang merupakan OKU.


Hasil kajian juga mendapati 35 responden menanggung adik beradik, ibu bapa, dan cucu. Hal ini perlu diambil perhatian bahawa sebilangan tanggungan memerlukan sokongan yang menyeluruh, sama ada dari segi kewangan atau fizikal, terutamanya bagi golongan OKU. Kemungkinan perkara ini menyebabkan wanita B40 turut terkesan dari segi emosi dan kewangan.

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan gambaran jelas tentang beban tanggungan yang dihadapi oleh wanita B40. Bukan hanya kanak-kanak yang menjadi keutamaan, tetapi juga golongan dewasa yang memerlukan penjagaan rapi akibat kekurangan keupayaan fizikal atau penyakit yang dihidapi. Oleh itu, kajian ini penting sebagai asas kepada perancangan dasar kebijakan yang lebih menyeluruh dan inklusif pada masa hadapan.

## Perkahwinan Poligami dan Penceraihan

Bahagian ini membincangkan perkahwinan poligami dan penceraihan dalam kalangan responden. Dapatan kajian mendapati hanya segelintir kecil sahaja yang pernah terlibat dalam poligami, manakala selebihnya tidak pernah berada di dalam perkahwinan poligami. Antara faktor utama penceraihan yang dikenal pasti adalah termasuk faktor kecurangan, culas nafkah, tiada sefahaman keganasan rumah tangga, dan bekas pasangan terlibat dengan dadah.

Rajah 2. Faktor penceraihan



Dari segi hak penjagaan anak selepas penceraihan, majoriti hak penjagaan diberikan sepenuhnya kepada ibu, manakala selebihnya dikongsi dengan bekas suami atau dibawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Kajian ini mendapati tempoh perkahwinan sebelum penceraihan berlaku, secara purata sekitar 13 tahun, dengan kebanyakan perkahwinan berakhir dalam tempoh 10 tahun pertama. Dalam konteks ini, ibu memainkan peranan utama dalam menjaga anak-anak selepas perpisahan. Ini menunjukkan tanggungjawab yang besar di kalangan responden dalam memastikan kesejahteraan anak-anak.

## Kesedaran dan Pengetahuan Tentang Hak-Hak Kewangan

Kajian turut bertanyakan tentang tahap kesedaran dan tahap pengetahuan hak kewangan dalam perkahwinan dan selepas penceraihan. Perkara ini penting untuk memahami sejauh manakah mereka tahu dan sedar hak-hak kewangan ini. Apabila membicarakan tentang tahap pengetahuan tentang hak-hak kewangan ini, hanya segelintir sahaja yang mengetahui tentang perkara tersebut. Dapatan menunjukkan mereka yang pernah menuntut hak kewangan di mahkamah lebih memahami hak mereka berbanding yang tidak membuat tuntutan hak kewangan di mahkamah.

Antara sumber maklumat yang dikenalpasti sebagai rujukan oleh responden dalam usaha mendapatkan maklumat mengenai hak kewangan adalah melalui media sosial, yang menjadi pilihan utama. Selain itu,

rakan dan jiran juga sering dijadikan rujukan, diikuti oleh peguam syarie, keluarga, serta sedara mara. Mahkamah Syariah turut memainkan peranan dalam menyediakan maklumat, walaupun jumlahnya tidak sebanyak sumber lain. Namun, hanya sebilangan kecil responden yang mendapat maklumat daripada Jabatan Kehakiman Syariah, yang menunjukkan adanya kekurangan akses kepada maklumat dan saluran rasmi kerajaan. Situasi ini mencerminkan perlunya usaha lebih lanjut untuk memperbaiki penyebaran maklumat mengenai hak kewangan agar semua individu, khususnya dalam kalangan wanita Muslim B40, dapat mengakses dan memahami hak-hak mereka dengan lebih baik.

Perkara berkaitan tuntutan nafkah pula, pengetahuan tentang tuntutan nafkah anak paling meluas dengan majoriti responden mengetahuinya secara menyeluruh sebelum penceraian. Ini diikuti dengan tuntutan harta sepencarian selepas penceraian, tuntutan nafkah iddah sebelum penceraian dan nafkah isteri sebelum penceraian. Sebaliknya, tuntutan hutang dalam perkahwinan adalah yang paling kurang difahami dan mengetahuinya selepas penceraian.

Ini memberi gambaran bahawa ramai individu kurang menyedari hak kewangan mereka, bahkan setelah penceraian berlaku seandainya mereka tidak membuat tuntutan kewangan di mahkamah. Bagi menangani masalah ini, adalah penting untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan mengenai hak kewangan ini, agar individu dapat lebih bersedia sebelum menghadapi masalah dalam perkahwinan. Melalui program pendidikan dan kempen kesedaran yang berkesan, mereka dapat memahami hak-hak mereka dan membuat keputusan yang lebih bijak, seterusnya melindungi kesejahteraan kewangan mereka dalam situasi yang mencabar.

### **Sejarah Tuntutan Yang Dibuat di Mahkamah Syariah: Analisis Kes Harta Sepencarian, Mutaah, Nafkah Isteri, Nafkah Iddah, dan Nafkah Anak**

Tuntutan hak kewangan selepas perceraian merupakan satu aspek penting yang perlu diberi perhatian, terutamanya dalam kalangan wanita yang telah bercerai. Sejarah tuntutan yang dibuat di mahkamah syariah berkaitan harta sepencarian, mutaah, nafkah isteri, nafkah iddah, dan nafkah anak menunjukkan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh para wanita dalam memperoleh hak-hak kewangan mereka.

#### **1. Harta Sepencarian**

Harta sepencarian merujuk kepada harta yang dikumpulkan bersama oleh suami dan isteri sepanjang perkahwinan. Berdasarkan dapatan kajian, 18% membuat tuntutan harta sepencarian dengan sebanyak 12.9% responden telah berjaya menyelesaikan tuntutan harta sepencarian di mahkamah. Majoriti tidak membuat tuntutan namun, 3.2% pernah membuat tuntutan namun menarik balik tuntutan, manakala 3.2% berjaya menyelesaikannya di luar mahkamah.

Sebahagian besar kes harta sepencarian ini dirujuk ke Mahkamah Syariah. Antara harta yang dituntut adalah rumah, ASB, tanah dan kenderaan. Proses tempoh masa selesai tuntutan mengambil masa lebih daripada empat tahun selepas fail dibuka. Majoriti responden menerima tuntutan pada tahun yang sama selepas diluluskan oleh mahkamah. Bagi sebahagian responden, mereka menerima bayaran secara sekaligus, berkala dan juga menerima bayaran setelah tindakan diambil terhadap pihak yang ingkar. Kajian mendapati walaupun mahkamah memberikan keputusan yang berpihak kepada isteri, pelaksanaan tuntutan boleh mengambil masa yang lama, dengan proses penerimaan bayaran menjadi satu cabaran utama yang perlu dihadapi.

## **2. Mutaah**

Mutaah adalah nafkah berbentuk pampasan yang diberikan kepada isteri selepas bercerai. 15% membuat tuntutan hak ini. Majoriti responden yang menuntut mutaah telah selesai tuntutan mutaah mereka. Tempoh masa selesai tuntutan mengambil masa kurang dari 2 tahun dan Mahkamah Syariah Jalan Duta menjadi pusat utama dalam menangani kes-kes mutaah ini.

Sebahagian besar responden menerima bayaran dalam tahun yang sama selepas diluluskan mahkamah dan majoriti responden dibenarkan oleh mahkamah 100% tuntutan daripada jumlah yang dituntut. Namun, ada juga kes di mana responden tidak mendapat apa-apa bayaran daripada bekas suami setelah diluluskan oleh mahkamah.

## **3. Nafkah Isteri**

Tuntutan nafkah isteri merupakan satu lagi hak kewangan yang sering dituntut selepas perceraian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 10% responden membuat tuntutan ini dengan 5.6% responden telah selesai membuat tuntutan, dengan kebanyakan kes diuruskan di Mahkamah Syariah Bangi. Tempoh masa selesai tuntutan adalah kurang dari 2 tahun setelah fail dibuka. Namun, apa yang mengejutkan adalah majoriti responden tidak menerima bayaran daripada bekas suami walaupun keputusan mahkamah telah berpihak kepada mereka.

## **4. Nafkah Iddah**

Nafkah iddah ialah nafkah yang wajib diberikan kepada isteri selama tempoh iddah selepas perceraian. Dalam kajian ini, 12% membuat tuntutan dan sebanyak 10.5% responden berjaya menyelesaikan tuntutan nafkah iddah. Majoriti yang menuntut nafkah iddah mengambil masa kurang dari 1 tahun untuk selesai di mahkamah. Kebanyakan kes ini diuruskan di Mahkamah Jalan Duta. 54% responden melaporkan bahawa mereka menerima bayaran dalam tahun yang sama. Namun, 8% responden menerima bayaran kurang yang diperintahkan oleh mahkamah daripada bekas suami.

## **5. Nafkah Anak**

Nafkah anak pula merupakan tanggungjawab bekas suami untuk menanggung kos hidup anak-anak selepas perceraian. Dapatan kajian menunjukkan 35% membuat tuntutan tersebut dengan sebanyak 31% responden telah berjaya menuntut nafkah anak. Tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan kes di mahkamah adalah kurang dari 1 tahun untuk selesai di mahkamah. Kebanyakan kes diuruskan di Mahkamah Syariah Jalan Duta. Daripada jumlah itu, 74% responden menerima jumlah bayaran yang diperintahkan oleh mahkamah, manakala selebihnya tidak menerima bayaran daripada bekas suami.

Sebahagian besar penerima bayaran melaporkan bahawa mereka menerima nafkah anak pada tahun yang sama selepas perintah dikeluarkan, namun terdapat juga kes di mana bayaran hanya diterima setelah beberapa tahun. Isu ini mencerminkan kesukaran yang dihadapi oleh ibu-ibu tunggal dalam menanggung kos pembesaran anak-anak mereka apabila bekas suami tidak mematuhi perintah mahkamah.

## **Kesimpulan**

Pertama, dalam hal harta sepencarian, walaupun terdapat segelintir responden yang berjaya menyelesaikan tuntutan mereka, prosesnya memakan masa yang lama dan sering kali menghadapi kesulitan dalam pelaksanaan bayaran.

Kedua, tuntutan mutaah menunjukkan bahawa kebanyakan responden menerima bayaran dalam tempoh yang lebih singkat, tetapi masih ada kes di mana bayaran tidak diterima tetapi tiada tindakan diambil pada bekas suami, menunjukkan kelemahan dalam penguatkuasaan.

Ketiga, tuntutan nafkah isteri mendapati bahawa walaupun keputusan mahkamah berpihak kepada mereka, kebanyakan responden tidak menerima bayaran, menimbulkan persoalan tentang keberkesanan sistem.

Keempat, untuk nafkah iddah, walaupun tempoh penyelesaian adalah singkat, terdapat masalah pembayaran yang tidak dipatuhi, yang mengganggu kemampuan wanita untuk menanggung kehidupan mereka selepas perceraian.

Akhir sekali, bagi nafkah anak, walaupun sejumlah responden berjaya mendapatkan nafkah, banyak yang masih tidak menerima bayaran tepat pada waktunya, mencerminkan kesukaran ibu tunggal dalam membesarakan anak-anak mereka.

Kesimpulan dari kajian ini menunjukkan bahawa tuntutan hak kewangan selepas perceraian di Mahkamah Syariah, khususnya berkaitan harta sepencarian, mutaah, nafkah isteri, nafkah iddah, dan nafkah anak, melibatkan pelbagai cabaran bagi wanita. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menekankan perlunya reformasi dalam sistem perundangan dan penguatkuasaan bagi memastikan hak kewangan wanita selepas perceraian terlindung dan dilaksanakan dengan berkesan.

## **Cabaran dan Persiapan Menuntut Hak Kewangan Selepas Perceraian**

Selepas perceraian, wanita sering menghadapi cabaran besar, terutama ketika menuntut hak kewangan. Hak ini penting bagi memastikan kelangsungan hidup mereka dan anak-anak, tetapi proses untuk mendapatkannya sering kali rumit. Penerangan terperinci di bawah dikongsikan responden berdasarkan pengalaman mereka dalam mendepani cabaran tersebut.

### **1. Persiapan sebelum penceraian**

Majoriti responden tidak membuat persiapan sepenuhnya sebelum penceraian mahupun dari segi kewangan, fizikan maupun tempat perlindungan. Kebanyakan responden hanya menfokuskan pada persiapan mental seperti mendapatkan sokongan daripada keluarga dan rakan untuk menuntut penceraian. Ini diikuti dengan perancangan kewangan dengan mengumpul wang simpanan, mengambil alih harta dan sebagainya. Seterusnya, adalah persiapan fizikal dengan melihat rumah sewa atau rumah tumpangan, merancang pergerakan atau pekerjaan baru untuk memulakan kehidupan mereka semula. Hanya sebahagian kecil sahaja yang membuat persiapan fizikal untuk keluar daripada situasi penderaan.

## **2. Sebab menuntut dan tidak menuntut hak kewangan**

Kajian turut mendalam faktor-faktor utama wanita dalam menuntut hak kewangan. Dapatan kajian menunjukkan faktor utama wanita menuntut hak kewangan adalah untuk kelangsungan hidup anak-anak mereka. Ini diikuti dengan hak yang diberikan oleh agama Islam. Selain itu, wanita juga percaya bahawa mereka perlu menuntut hak kewangan adalah demi keadilan dan hak yang sepatutnya mereka peroleh.

Namun begitu, terdapat juga wanita yang tidak menuntut hak kewangan. Dapatan kajian menunjukkan rata-rata responden menyatakan tempoh masa yang diambil adalah panjang untuk perbicaraan,kekangan kewangan, proses pemfailan yang susah serta tidak tahu proses pemfailan.

Faktor-faktor lain yang menyumbang kepada keputusan untuk tidak membuat tuntutan termasuk tekanan daripada pihak luar, terutamanya bekas suami dan keluarga, yang menjadi cabaran besar bagi wanita dalam menuntut hak-hak kewangan di Mahkamah Syariah. Malah, sesetengah responden turut menghadapi tekanan daripada keluarga sendiri dan rakan-rakan, yang mempengaruhi keputusan mereka untuk tidak membuat tuntutan kewangan di Mahkamah Syariah.

## **3. Cabaran dalam proses tuntutan**

Wanita yang menuntut hak kewangan sering kali berhadapan dengan pelbagai cabaran, sama ada cabaran peribadi atau luaran. Dari sudut peribadi, majoriti responden melaporkan bahawa mereka tidak mempunyai kestabilan kewangan untuk terus menjalani proses tuntutan. Selain itu, mereka menghadapi stigma sosial seperti rasa malu atau rendah diri. Ketiadaan sistem sokongan daripada keluarga atau rakan juga menjadi satu lagi cabaran. Cabaran-cabaran ini membuatkan ramai wanita merasa sukar dalam menuntut hak kewangan di mahkamah Syariah, apatah lagi tanpa persiapan yang mencukupi.

Selain cabaran peribadi, cabaran luaran seperti birokrasi dalam proses perundangan turut menambah kesukaran. Sebanyak 28% responden melaporkan bahawa urusan pentadbiran dan dokumen yang rumit menyukarkan proses menuntut hak kewangan. Sistem yang tidak berpihak kepada wanita juga dilihat sebagai satu halangan, dengan 26% responden yang berpandangan demikian. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan mereka merasakan tidak diberi layanan yang adil oleh mahkamah.

## **4. Persediaan melalui proses mahkamah**


Walaupun sedar akan cabaran yang bakal di hadapi selepas penceraian, kebanyakan tidak mempunyai sebarang persediaan awal. Walau bagaimanapun, sebilangan kecil hanya bersedia dari segi mental iaitu dengan mendapatkan sokongan dari orang terdekat serta bersedia dari sudut kewangan untuk kehidupan mendatang dan melalui proses mahkamah. Selain itu, segelintir daripada mereka bersedia dengan ilmu berkaitan undang-undang Syariah melalui carian di internet, nasihat dari pegawai syarie serta kumpulan sokongan ibu tunggal untuk mendapatkan nasihat atau ilmu sebelum menuntut cerai.

Dari sudut tuntutan kewangan di mahkamah, mereka berpendapat tuntutan yang dibuat adalah untuk kelangsungan kehidupan anak-anak bagi menampung kos pembelajaran, kesihatan dan lain-lain selain sedar ia merupakan hak yang di berikan oleh Islam. Mereka yang bersedia dengan dokumen sokongan dan bukti lebih berpeluang untuk memenangi kes mereka. Antara bukti sokongan yang kukuh adalah laporan polis yang di buat jika berlakunya keganasan di dalam rumah tangga.

## Bentuk Bantuan Yang Diterima dan Isu Berkaitan

Menurut dapatan kajian, pelbagai bentuk bantuan yang paling lazim disediakan untuk menyokong golongan wanita B40, terutamanya melalui bantuan kewangan, duit zakat, bantuan makanan dan program kebajikan lain. Salah satu bentuk bantuan utama ialah zakat, yang menyumbang hampir separuh daripada jumlah bantuan yang diterima. Ini menunjukkan kepentingan institusi agama dalam menangani kemiskinan dan menyokong golongan yang kurang bernasib baik. Begitu juga, bantuan makanan tetap menjadi keperluan yang penting, terutamanya di kalangan masyarakat yang menghadapi kesusahan ekonomi. Bentuk bantuan lain seperti tempat perlindungan, perkhidmatan kaunseling dan bantuan kesihatan didapati kurang meluas.

Rajah 3. Jenis Bantuan Yang Diterima



Walaupun program-program ini tersedia, beberapa isu masih wujud. Salah satu kebimbangan utama adalah kurangnya kesedaran mengenai Bantuan Sokongan Keluarga (BSK). Sebanyak 61% responden menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui kewujudan program BSK dan hanya 11% pernah menggunakan untuk membuat tuntutan.

Dapatan menunjukkan, program-program ini sangat penting bagi individu dan keluarga yang dilihat bergantung kepada sokongan dari pelbagai sumber seperti agensi kerajaan, institusi zakat, dan organisasi bukan kerajaan (NGO).

Selain itu, cabaran lain ialah akses kepada perbankan bagi sesetengah penerima bantuan. Walaupun 97% responden mempunyai akaun bank atas nama sendiri, sebilangan kecil tidak dapat membuka akaun disebabkan oleh muflis atau disenaraihitamkan. Golongan ini sering lebih suka menerima bantuan dalam bentuk tunai, yang menonjolkan isu keterangkuman kewangan yang mungkin menghadkan keupayaan mereka untuk memanfaatkan sepenuhnya jenis bantuan tertentu.

# **LAMPIRAN**

## SOAL SELIDIK KAJIAN

Kajian mengenai Hak-hak Kewangan Wanita Muslim  
June 2024

### Grid Kawalan Kualiti

Tarikh Temubual	Telefon Merdeka Center Yg Digunakan 016- 2297 012-
Waktu temubual	Halaman Senarai Telefon No.
Jangka masa temubual/	Nombor Telefon Responden
Nama Interviewer	Semakan Penyelia
Nama Verifier	Nama Pemasukan Data
Nama Pemeriksa ( <i>Inspector</i> )	

**SILA DAPATKAN RESPONDEN PEREMPUAN MUSLIM YANG BERUMUR 18 TAHUN KE ATAS SAHAJA**

MASUK KAN KOD	NEGERI	MASUK KAN KOD	PARLIMEN				
	1. Sela ngor		92. Sabak Bernam	93. Sungai Besar	94. Hulu Selangor	95. Tanjung Karang	
			96. Kuala Selangor	97. Selayang	98. Gombak	99. Ampang	
			100. Pandan	101. Hulu Langat	102. Bangi	103. Puchong	
			104. Subang	105. Petaling Jaya	106. Damansara	107. Sungai Buloh	
			108. Shah Alam	109. Kapar	110. Klang	111. Kota Raja	
			112. Kuala Langat	113. Sepang			
2. Kuala Lumpur			114. Kepong	115. Batu	116. Wangsa Maju	117. Segambut	
			118. Setiawangs a	119. Titiwangsa	120. Bukit Bintang	121. Lembah Pantai	
			122. Seputeh	123. Cheras	124. Bandar Tun Razak	125. Putrajaya	

DUN	[DIISI OLEH PENEMUBUAL]
DAERAH MENGUNDI	[DIISI OLEH PENEMUBUAL]
LOKALITI [NAMA JALAN ATAU KAMPUNG]	[DIISI OLEH PENEMUBUAL]

[NA] = Tidak berkenaan

[UNSURE/DK] = Tidak tahu

[REFUSE/NR] = Tiada respons

### [Soalan Saringan]

S1		Dimanakah anda menetap? Adakah anda menetap di....  1. Selangor 2. Kuala Lumpur 3. Negeri lain → <b>Tamatkan temubual</b>
S2		Adakah anda mempunyai pendapatan di bawah.....[Selangor: RM 6960/ Kuala Lumpur: RM 6999]  1. Ya 2. Tidak → <b>Tamatkan temubual</b>
S3		Adakah anda dalam/atau pernah ....  1. Bercerai / dalam proses penceraihan – Tiada tuntutan hak kewangan di mahkamah 2. Bercerai / dalam proses penceraihan – Ada tuntutan hak kewangan di mahkamah 3. Tidak di atas → <b>Tamatkan temubual</b>

### [Demografi Responden]

1.		Nyatakan nama kawasan tempat tinggal anda? [prompt: nama taman/ kampung/ daerah]
2.		Umur semasa: .....(tahun) <b>[Jika lebih muda dari 18 tahun, tamatkan temubual]</b>
2a.		<b>[RECODE]</b> Umur semasa: <b>[Jika lebih muda dari 18 tahun, tamatkan temubual]</b>  1. 18-20                  6. 41-45 2. 21-25                  7. 46-50 3. 26-30                  8. 51-55 4. 31-35                  9. 56-60 5. 36-40                  10. 61 dan ke atas
3.		Status Perkahwinan semasa:  1. Berkahwin 2. Telah Bercerai/Janda 3. Dalam Proses Bercerai 4. Berpisah 5. Balu

### [Status Pekerjaan]

4.		Apakah pekerjaan anda? <b>SILA NYATAKAN:</b> _____
5.		Apakah sektor pekerjaan anda?  1. Kerajaan/badan berkanun (contoh: kerajaan pusat, MARA, SALCRA) 2. Swasta 3. GLC/Syarikat milik kerajaan (contoh: TNB, Petronas, Telekom, MAS, Maybank)

		4. Majikan – berdaftar 5. Majikan – tidak berdaftar 6. Bekerja sendiri (contoh: Memiliki perniagaan kecil, ladang sendiri, jualan langsung) 7. Sosial (e.g. Badan bukan kerajaan-NGOs) 8. [Pelajar] 9. [Menganggur, hilang keupayaan bekerja] 10. [Surumah] 11. [Bersara] 12. [UNSURE/DK] 13. [REFUSE/NR]
6.		Adakah anda mempunyai pekerjaan sampingan?  1. Ya → Teruskan ke Q7 2. Tidak → Pergi ke Q8
7.		<p>[Jika Q6 = Ya] Sila nyatakan pekerjaan sampingan anda.  <b>[boleh lebih dari 1 jawapan]</b></p> <p>97. [NA]</p> <p>Pertama:</p> <p>Kedua:</p>

**[Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan]**

8.		Berapakah anggaran pendapatan dan perbelanjaan bulanan <u>anda</u> dan <u>isirumah anda</u> ?	a. Responden (RM sebulan)	b. Ibu rumah (RM sebulan)
i.		Anggaran Pendapatan		
ii.		Anggaran Perbelanjaan <b>[Nota: komitmen setiap bulan termasuk di dalam perbelanjaan]</b>		

9.		Antara jenis hutang berikut, yang manakah yang masih ditanggung oleh <u>anda</u> ?  Nota: 1. <b>Hutang semasa</b> yang ditanggung sekarang ini (cth: pinjaman perumahan, kenderaan dsb) 2. Komitmen (cth: utiliti bil, internet, sewa rumah dsb) tidak termasuk di dalam hutang kecuali yang <u>tertunggak</u> sahaja	Ya	Tidak
a.		Rumah	1	2
b.		Kereta/ Motorsikal	1	2
c.		Pinjaman Peribadi <b>[Nota: termasuk pinjaman perseorangan seperti keluarga, kawan]</b>	1	2
d.		Perniagaan Koperasi	1	2
e.		Keperluan Hidup/Makan	1	2
f.		Kesihatan/Bil Hospital	1	2
g.		Yuran Guaman	1	2

h.		Alat Elektronik/Gajet	1	2
i.		Lain-Lain: Nyatakan: _____	1	2

**[Status Kesihatan]**

10.		Adakah <u>anda</u> merupakan orang kurang upaya (OKU)?  1. Ya → Teruskan ke Q11 2. Tidak → Pergi ke Q13
11.		[Jika Q10 = Ya] sila nyatakan  1. Kecacatan fizikal 2. Mempunyai masalah kesihatan mental → Teruskan ke Q12 3. [Kedua-duanya] → Teruskan ke Q12 97. [NA]
12.		[Jika Q11 = Mempunyai masalah kesihatan mental], sila nyatakan jenis penyakit: [Nota: rujuk senarai lampiran penyakit]  97. [NA]
13.		Penyakit Kritikal/Berpanjangan yang sedang dialami <u>diri sendiri</u> (jika ada):  1. Ya → Teruskan ke Q14 2. Tidak → Pergi ke Q15
14.		[Jika Q13 = Ya] Sila nyatakan: [boleh lebih dari 1 jawapan] [Nota: rujuk senarai lampiran penyakit]  97. [NA]
15.		Adakah terdapat ahli keluarga dibawah <u>tanggungan anda</u> yang mempunyai penyakit kritikal/berpanjangan?  1. Ya → Teruskan ke Q16 2. Tidak → Pergi ke Q17
16.		[Jika Q15 = Ya] siapakah ahli keluarga tersebut? [boleh lebih dari 1 jawapan]  97. [NA]

**[Status Tanggungan Isirumah]**

17.		Jumlah anak di bawah tanggungan semasa: (termasuk anak tiri, anak angkat)	Jumlah
a.		Di bawah 18 tahun	
b.		Di atas 18 tahun	
18.		Bilangan anak orang kurang upaya (OKU) yang tinggal bersama (jika ada):	Jumlah
a.		Di bawah 18 tahun	
b.		Di atas 18 tahun	
c.		<b>[Jika ada anak OKU]</b> Nyatakan jenis OKU bagi setiap anak:  96. [NA]	
19.		Bilangan anak yang mempunyai penyakit kritikal/berpanjangan (jika ada):	Jumlah
a.		Di bawah 18 tahun	
b.		Di atas 18 tahun	
c.		<b>[Jika ada anak yang berpenyakit kritikal/berpanjangan]</b> Nyatakan jenis OKU/penyakit bagi setiap anak:  97. [NA]	
20.		Bilangan tanggungan lain (adik beradik, ibubapa, cucu, saudara mara) (Jika ada):	Jumlah
a.		Bilangan tanggungan	
b.		Bilangan tanggungan yang OKU	
c.		<b>[Jika ada tanggungan OKU]</b> Nyatakan bentuk tanggungan OKU yang berkenaan: 1. Fizikal 2. Kewangan 3. Fizikal & Kewangan 98. [NA]	

**[Sejarah Perkahwinan]**

21.		Adakah anda dalam/atau pernah dalam perkahwinan poligami?  1. Tidak 2. Ya, isteri pertama 3. Ya, isteri kedua 4. Ya, isteri ketiga 5. Ya, isteri keempat
-----	--	--

22.		Adakah anda pernah atau dalam penceraian atau perpisahan?  1. Ya → teruskan ke Q23 2. Tidak → pergi ke Q24
23.		[Jika Q22 = Ya] Apakah faktor berlakunya penceraian atau perpisahan tersebut? [boleh lebih dari 1 jawapan]  97. [NA]
24.		Berapakah bilangan anak bersama mantan suami? [Nota: jika mempunyai anak, teruskan ke Q25]  96. Tiada
25.		[Jika Q24 = Mempunyai anak], Siapakah yang mendapat hak penjagaan anak?  96. Tiada 97. [NA]
26.		Berapa lamakah tempoh perkahwinan yang lepas [bulan & tahun]? [*nota: tempoh perkahwinan yang ingin dikongsikan]

**[Tahap Pengetahuan Tuntutan Hak-Hak Kewangan]**

27.		Adakah anda tahu mengenai hak-hak kewangan yang boleh dituntut di Mahkamah Syariah?  1. Ya, saya tahu semua dan secara menyeluruh → Teruskan ke Q28 2. Saya tahu sedikit/ tidak menyeluruh → Teruskan ke Q28 3. Saya tak pasti/ tidak tahu → Pergi ke Q29
28.		Daripada mana anda dapat informasi tentang hak-hak kewangan anda?  [Boleh pilih lebih dari 1 jawapan]  i.                   1. Keluarga/Sedara mara 2. Kawan/Jiran 3. Badan NGO/Talian Bantuan 4. Media Sosial 5. Peguam Syarie 6. Mahkamah Syariah 7. Kerajaan/Kementerian Wanita 8. Jabatan Kehakiman Syariah 9. Lain-Lain: Nyatakan..... 97. [NA]
28a.		Lain-lain, sila nyatakan:  97. [NA]
		29. Adakah anda tahu atau tidak tahu mengenai tuntutan hak-hak kewangan?  30. Bilakah anda mengetahui hak-hak kewangan berikut, adakah anda tahu sebelum/semasa/selepas <b>proses perceraian</b> di mahkamah?

			Tidak tahu langsung	Kurang Sedikit	Agak Tahu	Tahu secara menyeluruh		Sebelum	Semasa	Selepas
a.		Harta Sepencarian	1	2	3	4	1	2	3	
b.		Mutaah	1	2	3	4	1	2	3	
c.		Nafkah Isteri	1	2	3	4	1	2	3	
d.		Nafkah Iddah	1	2	3	4	1	2	3	
e.		Nafkah Anak	1	2	3	4	1	2	3	
f.		Hutang dalam perkahwinan	1	2	3	4	1	2	3	
g.		Mas kahwin	1	2	3	4	1	2	3	
h.		Lain-lain: .....	1	2	3	4	1	2	3	

[Tuntutan Yang Dibuat]

	31. Sila tandakan tuntutan dan status mana yang berkenaan dengan situasi anda:	31a. [Jika Q31 = 2], Nyatakan bulan & tahun buka pemfailan di mahkamah	31b. [Jika Q31 = 3], Nyatakan tempoh masa selesai tuntutan	32. [Jika Q31vi = 2 / 3] Lokasi Mahkamah yang anda berurusan	33. [Jika Q31ii - Q31vii = 3], Bilakah tuntutan diluluskan oleh mahkamah? [tahun]	34. [Jika Q31i - Q31vii = 3], Bilakah anda menerima bayaran pertama tuntutan? [tahun]
	1. Tidak Tuntut → Pergi ke Q40 Dalam Proses Tuntutan → Teruskan ke Q31a, Q32, Q35a, Q39 3. Telah Selesai tuntut → Teruskan ke Q31b, Q32, Q33, Q34, Q35, Q36 Selesai di luar mahkamah Teruskan ke Q35c, Q38, Q39	97. [NA]	97. [NA]	97. [NA]	97. [NA]	97. [NA]
i.	Harta Sepencarian					
ii.	Mutaah					
iii.	Nafkah Isteri					
iv.	Nafkah Iddah					
v.	Nafkah Anak					
vi.	Hutang dalam perkahwinan Mas Kahwin					
vii.	Lain-lain: .....					
viii.						

35.	[Jika Q31 = 2, 3, 4], Isikan jumlah tuntutan yang anda faillkan dimahkamah dan jumlah tuntutan yang dibenarkan oleh mahkamah/ atau yang diselesaikan di luar mahkamah.	a. Jumlah yang dituntut (RM)	b. Jumlah tuntutan (RM) yang dibenarkan oleh Mahkamah	c. Jumlah yang diterima diluar mahkamah	36. [Jika menjawab Q35a & Q35b] Adakah mantan suami/atau pihaknya berikan jumlah tuntutan kepada anda mengikut yang mahkamah perintahkan, lebih daripada diperintahkan, kurang daripada diperintahkan atau tidak mendapat apa-apa tuntutan?	37. [Jika Q36 = 2, 3], sila catatkan jumlah yang diterima. 97. [NA]
a.	Harta Seppencarian	[Senarai harta/jumlah yang dituntut]	[Senarai harta/jumlah yang dituntut yang dibenarkan]	[Senarai harta/jumlah yang dituntut]	[Senarai harta/jumlah yang dituntut yang dibenarkan]	
b.	Mutaah	[RM ____ (jumlah keseluruhan)]	[RM ____ (jumlah keseluruhan)]	[RM ____ (jumlah keseluruhan)]	[RM ____ (jumlah keseluruhan)]	
c.	Nafkah Isteri	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	
d.	Nafkah Iddah	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	
e.	Nafkah Anak	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	
	[Nota: setiap anak]					
f.	Hutang Dalam Perkahwinan	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	
g.	Mas Kahwin	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	
h.	Lain-lain....	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	[RM ____ /bulan]	

38.		Berapakah kekerapan jumlah (RM) yang diterima?	Setiap bulan	Secara berkala	Iikut suka hati mantan suami	Bila saya ambil tindakan ke atas mantan suami	Tidak menerima sebarang bayaran	Dalam proses tuntutan & tidak membuat sebarang tuntutan
i.		Harta Sepencarian	1	2	3	4	5	97
ii.		Mutaah	1	2	3	4	5	97
iii.		Nafkah Isteri	1	2	3	4	5	97
iv.		Nafkah Iddah	1	2	3	4	5	97
v.		Nafkah Anak	1	2	3	4	5	97
vi.		Hutang Dalam Perkahwinan	1	2	3	4	5	97
vii.		Mas Kahwin	1	2	3	4	5	97
viii.		Lain-lain:.....	1	2	3	4	5	97

39.		Mengapakah anda menuntut hak-hak kewangan tersebut?  <b>[Boleh pilih lebih dari 1 jawapan.]</b> 1. Penting untuk kelangsungan hidup saya 2. Penting untuk kelangsungan hidup anak-anak saya 3. Menuntut demi keadilan hak saya 4. Hak saya yang diberikan dalam agama Islam 0. Lain-lain, sila nyatakan:..... 97. [NA – tidak menuntut hak-hak kewangan]
39a		Lain-lain, sila nyatakan:  97. [NA]

40.		Adakah Puan membuat persiapan atau perancangan terlebih dahulu sebelum menuntut cerai?  1. Tidak 2. Ya
41.		[Jika Q40=Ya] Apakah bentuk persiapan/perancangan tersebut?  <b>[Boleh pilih lebih dari 1 jawapan.]</b> 3. Perancangan kewangan seperti mengumpul wang simpanan, mengambil alih harta-harta sdb 4. Persiapan mental seperti dapatkan sokongan keluarga, kawan, saudara mara, persiapan mental anak-anak dsb. 5. Persiapan fizikal seperti melihat rumah sewa atau rumah tumpangan, merancang pergerakan, cari pekerjaan dsb 6. Persiapan fizikal untuk keluar daripada situasi penderaan 0. Lain-lain; sila nyatakan: _____
41a.		Lain-lain, sila nyatakan:  97. [NA]

42.		Berikut adalah alasan-alasan yang diberikan oleh orang ramai untuk <b>tidak menuntut</b> hak-hak kewangan. Sila nyatakan alasan yang rapat dengan pandangan anda pada skala 1 hingga 5 dimana 1 adalah tidak setuju dan 5 adalah sangat setuju.						[Saya menuntut hak-hak kewangan]	[UNSURE/DK]	[REFUSE/NR]
Tidak Setuju ----- Sangat setuju										
a.		Proses pemfailan yang susah	1	2	3	4	5	97	98	99
b.		Mengambil masa yang panjang	1	2	3	4	5	97	98	99
c.		Tidak mempunyai kewangan yang mencukupi	1	2	3	4	5	97	98	99
d.		Tidak tahu proses pemfailan	1	2	3	4	5	97	98	99
e.		Hak itu tidak berapa penting untuk saya tuntut	1	2	3	4	5	97	98	99
f.		Tidak tahu boleh tuntut hak itu	1	2	3	4	5	97	98	99
g.		Tidak ada peguam syarie untuk mewakilkan saya	1	2	3	4	5	97	98	99
h.		Tidak berbaloi untuk saya tuntut	1	2	3	4	5	97	98	99
i.		Lain-lain; sila nyatakan	1	2	3	4	5	97	98	99

43.		<p>Pernahkah sesiapa memujuk atau memberi tekanan atau memaksa anda untuk tidak menuntut hak-hak anda?</p> <p>1. Pernah → Teruskan ke Q44 &amp; Q45      2. Tidak Pernah → Pergi ke Q46</p>								
		2. [Jika Q43 = 1], siapakah yang memberikan tekanan? [NA]				3. [Jika Q43 = 1], sila nyatakan jenis hak yang tidak bagi tuntut. [NA]				
i.										
ii.										
iii.										
iv.										
v.										

46.		Apakah cabaran peribadi yang dilalui oleh anda dalam menuntut hak kewangan di mahkamah Syariah? <b>[Boleh pilih lebih dari 1 jawapan]</b>
i.		1. Tiada sistem sokongan (sokongan keluarga/sahabat) 2. Tiada kesedaran atau tiada pengetahuan 3. Tiada kestabilan kewangan 4. Perlu melawan stigma (contoh: malu, rendah diri) 5. [Simpati dengan keadaan mantan suami/suami] 6. [Tiada sebarang cabaran] 0. Lain-lain:..... 97. [NA – Tidak membuat sebarang tuntutan]
ii.		
iii.		

47.		Apakah cabaran luaran yang dilalui oleh anda dalam menuntut hak kewangan di mahkamah Syariah? <b>[Boleh pilih lebih dari 1 jawapan]</b>
i.		1. Birokrasi (urusan pentadbiran/dokumen-dokumen) yang menyusahkan 2. Tidak yakin dengan sistem mahkamah 3. Layanan yang tidak adil oleh mahkamah 4. Sistem tidak berpusatkan pemandiri (berat sebelah & tidak berpihak pada perempuan) 5. [Tiada sebarang cabaran] 0. Lain-lain:..... 97. [NA – Tidak membuat sebarang tuntutan]
ii.		
iii.		
47a		Lain-lain, sila nyatakan:  97. [NA]

48.		Apakah yang akan membuat anda bersedia untuk melalui proses mahkamah?
		98. [UNSURE/DK]    99. [REFUSE/NR]

**[Bantuan Yang Diterima]**

		[Boleh pilih lebih dari 1 jawapan]					
49.	Dalam tempoh setahun yang lepas, adakah anda menerima bantuan .....		Kekerapan bantuan				
		50. Sila nyatakan kekerapan bantuan.	Lain-lain nyatakan				
		51. Nyatakan kekerapan bantuan:	Tidak mendapat bantuan				
		1. Berkala 2. one-off 3. [Kedua-duanya]	Kekerapan bantuan				
i.	Duit Zakat	1	2	3	4	5	6
ii.	Bantuan Kewangan selain zakat	1	2	3	4	5	6
iii.	Bantuan Makanan	1	2	3	4	5	6
iv.	Rumah Perindungan	1	2	3	4	5	6
v.	Bantuan Kaunseling	1	2	3	4	5	6
vi.	Bantuan Ubat/Kesihatan	1	2	3	4	5	6

49.	Dalam tempoh setahun yang lepas, adakah anda menerima bantuan .....	50. Sila nyatakan pihak yang memberi bantuan. 51. Nyatakan kekerapan bantuan: 1. Berkala 2. one-off 3. [Kedua-duanya]	[Boleh pilih lebih dari 1 jawapan]	
			Majlis Zakat	
			Jabatan Kebajikan Masyarakat	
			NGO	
			Pihak Kerajaan	
			ADUN	
			Kekerapan bantuan	
			Korporat	
			Kekerapan bantuan	
			Keluarga/ Kawan	
			Kekerapan bantuan	
			Tidak mendapat bantuan	
			Lain-lain nyatakan	0
			Kekerapan bantuan	
vii.	Lain-Lain: .....	(Nyatakan)	1	

52.		Pernahkah anda menggunakan perkhidmatan Bantuan Sokongan Keluarga (BSK) untuk mendapatkan jumlah tuntutan?  1. Pernah 2. Tidak Pernah 3. Tidak tahu kewujudan BSK
-----	--	---

**[Maklumat Perbankan]**

53.		Adakah anda mempunyai akaun bank atas nama sendiri?  1. Ya → <b>Tamat temubual</b> 2. Tidak → <b>Teruskan ke Q54</b>
54.		[Jika Q53 = tidak] Mengapakah anda tidak buka akaun bank atas nama sendiri?  97.[NA]
55.		Pernahkan anda cuba untuk membuka akaun bank atas nama sendiri?  1. Ya, pernah dan berjaya → <b>Tamatkan temubual</b> 2. Ya, pernah dan tidak berjaya → <b>Teruskan ke Q56</b> 3. Tidak pernah mencuba → <b>Pergi ke Q57</b>
56.		[Jika Q55 = Ya, pernah dan tidak berjaya], kenapakah anda tidak berjaya membuka akaun bank?  97.[NA]
57.		Jika anda tidak ada akaun bank, bagaimanakah anda menerima wang/duit [Pilih yang berkenaan...]  1. E-wallets 2. Touch n go 3. Tunai 4. Barang dapur 5. Lain-lain: (contoh: vouchers supermarket...)
57a		Lain-lain, sila nyatakan:  97. [NA]

Terima kasih di atas kerjasama anda dan masa yang diberikan bagi menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Maklumat yang diberikan.

**Sisters in Islam (SIS)** ialah sebuah organisasi masyarakat sivil yang percaya bahawa Islam sentiasa menegakkan Kesaksamaan, Keadilan, Kebebasan dan Maruah Kemanusiaan. SIS terdiri daripada perempuan dan lelaki Muslim yang berusaha untuk menegakkan hak-hak perempuan dalam kerangka Islam serta hak asasi manusia sejahtera dengan memberi penekanan terhadap realiti sebenar kehidupan perempuan. Sejak penubuhan rasminya pada tahun 1993, SIS telah berjaya mewujudkan ruang selamat untuk masyarakat Muslim bersuara dan menguatkan lagi semangat untuk berjuang demi keadilan, hak asasi manusia dan demokrasi pada abad ke-21.

SIS Forum (Malaysia)(199301011823) - (Sisters in Islam)  
No. 4, Lorong 11/8E, 46200, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia  
Tel: +603 7960 3357 / 7960 5121 / 7960 6733  
Faks: +603 7960 8737  
Emel: [sis@sistersinislam.org.my](mailto:sis@sistersinislam.org.my)  
Laman web: [www.sistersinislam.org](http://www.sistersinislam.org)

**Merdeka Center** merupakan sebuah syarikat bertujuan menjalankan kaji selidik pendapat awam serta analisis sosio-ekonomi dan isu-isu semasa sejak tahun 2001. Kajian ini dibiayai oleh Sisters in Islam (SIS).

Merdeka Strategic Development Centre  
2nd Floor, Wisma IEM, No. 21 Jalan Selangor,  
46000 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.  
Tel: +603 7932 2756,  
Faks: +603 82101466  
Emel: [info@merdeka.org](mailto:info@merdeka.org)  
Laman web: [www.merdeka.org](http://www.merdeka.org)

ISBN 978-983-2622-60-4



9 789832 622604